



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDDIN  
TIMBALAN MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG TAHUN 2021 PROGRAM  
PENGURUSAN KEHAKIMAN DAN  
PERUNDANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**16 MAC 2022 (RABU)  
BORA OMBAK MARINA PUTRAJAYA**



Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Assalamualaikum**

**Warrahmatullahi**

**Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia.**

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Rabin bin

Basir

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-

Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021

bagi Program Kehakiman dan Perundangan

Yang Berbahagia Dato' Anita binti Harun  
Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia  
(MdI) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021  
bagi Program Kehakiman dan Perundangan

Yang Arif Dato' Mohamad Jazamuddin bin Hj.  
Ahmad Nawawi

Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat

YBrs. Encik Qalam Zainuddin bin Sani  
Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Yang Berbahagia Datin Rozita binti Ramli  
Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan  
Perundangan (ILKAP)

Yang Berusaha Encik Wan Jeffry @ Wan Noor  
bin Kassim  
Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman  
(JBG)

Yang Berusaha Encik Khairul Anwar Bin Zakaria  
@ Abdul Hamid  
Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan

Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 yang diraikan dan semua hadirin yang dimuliakan.

## **MUKADIMAH**

1. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini meraikan pegawai-pegawai Jabatan dan Agensi di bawah Program Kehakiman dan Perundangan, Jabatan Perdana Menteri di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021.

Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya memulakan dengan serangkap pantun.

Puas sudah menanam pisang,

Nenas juga dicari orang,

Penerima APC bukan sembarang orang,

Mereka hebat dan cemerlang.

2. Saya difahamkan bahawa Majlis APC ini dilaksanakan sejak tahun 2018 berfokuskan kepada program kehakiman dan perundangan. Semua jabatan dan agensi yang terlibat di bawah program ini telah diminta bersama-sama berkumpul untuk diraikan pada hari ini di bawah

program pengurusan kehakiman dan perundangan.

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) yang pada kali ini menjadi hos dan mengetuai Jawatankuasa Kerja bagi menjayakan Majlis APC pada kali ini. Sesungguhnya kerjasama yang erat seluruh agensi dan jabatan yang terlibat dalam segala urusan persiapan majlis ini amatlah saya hargai sebagai tanda kebersamaan kita walaupun berbeza peranan dan fungsinya.

4. Sejak awal tahun 2020 hingga kini kita masih diuji dengan cabaran menangani pandemik COVID-19 dan turut menyaksikan cabaran ketidakstabilan politik yang sedikit sebanyak turut memberi kesan terhadap agenda pemulihan dan perpaduan negara keseluruhannya. Pada penghujung tahun 2021 yang lepas, kita turut diuji dengan musibah banjir yang agak luar biasa menyebabkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Tahun 2021 meninggalkan kita dengan seribu satu catatan perjalanan yang penuh pancaroba. Marilah kita sama-sama berdoa semoga tahun 2022 ini akan membawa bersama rahmat, kemakmuran dan

kesejahteraan kepada rakyat serta negara kita dilindungi dari segala bencana dan musibah.

## **ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA DALAM MELAKSANAKAN AGENDA TRANSFORMASI KERAJAAN**

Hadirin yang saya hormati sekalian.

5. Sepertimana kita sedia maklum, Aspirasi Keluarga Malaysia adalah merupakan platform pelaksanaan untuk bekerja bersama rakyat dalam memulihkan isu kesihatan, ekonomi serta kestabilan politik negara. Untuk merealisasikan Aspirasi Keluarga Malaysia ini, kerajaan telah

menggariskan enam (6) teras atau fokus utama iaitu:

- (a) menstrukturkan semula ekonomi;
- (b) menjamin keselamatan dan ketenteraman negara;
- (c) meningkatkan kesejahteraan sosial;
- (d) mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh;
- (e) memperkuuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia; dan
- (f) memperkasakan penyampaian perkhidmatan.

6. Justeru itu, di bawah portfolio Parlimen dan Undang-undang dalam mendukung kestabilan

politik negara, Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani adalah sangat penting bukan sahaja untuk mencapai kestabilan politik, malah memulihkan ekonomi negara dan kesihatan awam. Pemeteraian Persefahaman antara Kerajaan Persekutuan dengan Pakatan Harapan (PH) telah melakar sejarah baharu kepada negara. Ia meletakkan negara dan rakyat melangkaui kepentingan dan usaha bersepada yang dilaksanakan secara tekal.

7. Kebersamaan membawa agenda transformasi Kerajaan ini amatlah diperlukan bagi menzahirkan tindakan proaktif dan responsif di

kalangan penjawat awam merentasi keperluan rakyat. Penjawat awam diharap dapat meneruskan momentum kecemerlangan melalui budaya kerja berprestasi tinggi dengan sentiasa peka dan segera bertindak dalam memacu agenda transformasi Kerajaan demi kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia.

## **PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA APC TAHUN 2021**

8. Hari ini, pastinya memberi makna yang mendalam dan istimewa kepada semua penerima APC. Saya mewakili semua Ketua Jabatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua

**152 orang penerima APC 2021** pada kali ini yang terdiri daripada warga Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) seramai **14 orang**, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) seramai **85 orang**, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seramai **35 orang**, **seorang** daripada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK), Bahagian Perlindungan (BP) seramai **6 orang**, Lembaga Penasihat (LP) seramai **3 orang** dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) seramai **8 orang**. Sebagai tanda penghargaan, selain Sijil Penghargaan akan diberikan insentif sebanyak RM1,000 kepada semua penerima.

9. Saya wajar menyatakan kekaguman saya dengan iltizam dan semangat kerja yang tinggi dalam keadaan yang serba mencabar buat masa ini keperluan menyesuaikan diri dengan bersikap positif dan budaya kecemerlangan adalah cukup luar biasa.

10. Kita wajar mengakui bahawa situasi bekerja sekarang amatlah mencabar dan tanpa kita sedari sebenarnya pandemik COVID-19 telah membuatkan kita berani berubah. Lihatlah betapa hebatnya perkhidmatan awam dalam mengharungikekangan pandemik COVID-19 untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang. Kini, kita

akan bergerak ke era endemik dengan penuh liku dan cabaran baharu bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat dapat direalisasikan di bawah aspirasi Keluarga Malaysia.

11. Justeru itu, penjawat awam perlulah terus bertindak sebagai **pemangkin perubahan dan terus kekal relevan** kerana sejarah telah membuktikan bahawa penjawat awam adalah agen perubahan yang efektif dan tidak dinafikan dalam pembinaan negara.

## **PENUTUP**

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada semua penerima APC bagi tahun 2021 dan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh Jawatankuasa yang terlibat bagi pelaksanaan APC pada kali ini.

13. Saya berharap agar segala usaha gigih dan komitmen yang telah diberikan sepanjang tahun 2021 yang lalu itu akan dilipatgandakan lagi pada tahun ini dan hendaklah sentiasa beringat bahawa kepentingan dan keperluan rakyat perlu didahulukan. Teruskanlah mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

14. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua warga yang beragama Islam. Semoga setiap seorang daripada kita sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, diberikan kesungguhan dan istiqamah untuk menjalani rencana kehidupan dengan sebaik mungkin.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah.

Wassalamualaikum

Warrahmatullahi

Wabarakatuh.